

UMS santuni delegasi Universiti Slamet Riyadi Surakarta

UB 17.07.2024 P.03

LABUAN: Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menjadi tuan rumah bagi menyantuni delegasi Program Pengajian Perakaunan Fakulti Ekonomi Universiti Slamet Riyadi Surakarta, Indonesia pada 15 hingga 17 Julai ini.

Delegasi itu diketuai oleh Naib Canselor Pentadbiran Am dan Kewangan Dr. Aris Eddy Sarwono, Ketua Institut Penyelidikan dan Khidmat Masyarakat Yannie Asrie Widanti dan Pensyarah Program Pengajian Pengurusan Nike Larasati.

Tujuan utama lawatan berkenaan adalah untuk memulakan projek penyelidikan kolaboratif bertajuk ‘Pembangunan Strategi Pemasaran Produk Makanan Proses Tempatan di Kabupaten Boyolali Jawa Tengah, Indonesia dan Wilayah Persekutuan Labuan’.

Inisiatif penyelidikan bersama ini dijalankan dengan kerjasama Dekan FKAL Prof. Madya Dr. Geoffrey Harvey Tanakinjal; Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Dr. Noor Hasssanah Husin dan Pensyarah Kanan Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir Dr. Salumah Nain.

Selain aktiviti penyelidikan mereka, delegasi dari Universiti Slamet Riyadi juga dijemput menjadi penceramah jemputan di FKAL untuk berkongsi kekapanar dalam jalinan masing-masing.

Delegasi itu juga disertai



DELEGASI: Geoffrey (empat kanan) bersama Aris (empat kiri) dan Penilai Luar FKAL Prof. Dr. Ruby (kiri), Prof Dr Huam (dua kanan) dan Dimitri (tiga kanan).

oleh dua pelajar Program Perakaunan Fakulti Ekonomi iaitu Siti Nurfatikah dan Navinda Nur Afifah.

Sepanjang lawatan akademik mereka, para pelajar akan menyertai dua program penting yang di anjurkan oleh Perwakilan Mahasiswa Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (PMFKAL), yang diketuai oleh presidennya, Chai Zhi Leng.

Program pertama, ‘Transformasi Kewangan Makanan Tempatan untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana dengan Fintech: Meningkatkan Daya Saing Generasi

Muda’ bertujuan meneroka tentang penyelesaian kewangan yang inovatif untuk industri makanan tempatan.

Program pelajar kedua, bertajuk ‘Revolusi Kewangan: Revolusi Fintech dalam Mengurus Kewangan dan Rangkuman Kewangan Dalam Kalangan Pelajar’ akan membincangkan fintech dalam mempromosikan rangkuman kewangan dan kemahiran pengurusan dalam kalangan pelajar.

Para pelajar juga terlibat dalam perbincangan akademik perbandingan yang dikendalikan oleh Timbalan Presiden Majlis Perwakilan

Pelajar UMS (MPPUMS), Mohd Shazwan Shah Mahrof bertajuk, ‘Persamaan dan Perbezaan Antara Kursus Ijazah Malaysia dan Indonesia’ akan memberi peluang untuk pertukaran silang budaya dan pendidikan antara kedua-dua institusi.

Lawatan berkenaan berjaya membawa hasil dan kerjasama ini dijangka mengukuhkan hubungan akademik dan penyelidikan antara UMS dan Universiti Slamet Riyadi Surakarta serta memupuk pertumbuhan dan pembangunan bersama dalam bidang kewangan dan ekonomi.